

14 JAN 2002

Mahathir-Keamanan (Bergambar)

AMALAN RUMAH TERBUKA SUMBANG KEPADA KEAMANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata amalan unik rumah terbuka pada musim perayaan telah menyumbang kepada keamanan dan kebaikan keadaan di Malaysia.

Dr Mahathir berkata rumah terbuka Aidilfitri yang sedang diadakan di seluruh negara sekarang adalah contoh baik bagaimana rakyat berbilang kaum dan agama dapat bersama-sama hadir dalam suasana muhibah.

"Kita lihat dalam majlis-majlis ini bukan sahaja orang Islam yang hadir, tetapi juga orang bukan Islam turut hadir bersama dan sedikit sebanyak mereka dapat lihat apa dia agama Islam," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama petugas pejabat Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir berkata gambaran tentang kebaikan Islam ini penting kerana kebanyakan orang bukan Islam telah diberi gambaran yang salah mengenai Islam seperti kononnya ia "agama terrorist."

"Kita cuba hidup berbaik-baik dengan semua orang sama ada daripada agama Islam ataupun agama yang lain," katanya.

Beliau berkata: "Ini menyumbang kepada keamanan di negara kita."

Dr Mahathir berkata apabila negara menjadi aman, tidak dapat tidak rakyat akan mendapat nikmat daripadanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat di negara ini supaya hadir majlis rumah terbuka untuk membolehkan keamanan terus dikecapi di negara ini.

Ketika memulakan ucapannya Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau baru kembali bertugas selepas bercuti "daripada majlis rumah terbuka" kerana terlalu banyak menghadiri majlis seumpama itu sejak kebelakangan ini.

Menghadiri terlalu banyak rumah terbuka telah menyebabkan perutnya menjadi tidak tahan kerana kadang-kadang terpaksa makan sehingga lima kali dari pagi hingga petang, katanya.

"Namun demikian saya bersyukur kerana di Malaysia kita hidup mewah, kita makan cukup, bahkan lebih dari cukup dan kita dapat hidup aman damai."

"Oleh itu, kita janganlah ambil cuti dari rumah terbuka ini kerap sangat. Sekali-sekala tak apalah, tapi cubalah juga hadir dalam majlis seperti ini kerana alhamdulillah kita dapat banyak nikmat daripadanya," katanya.

Sambutan Aidilfitri yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sosial Pejabat Perdana Menteri itu dihadiri oleh kira-kira 200 petugas.

Isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Diti Hasmah Mohamed Ali turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

AFY HK NMO